



Dr Syed Ali

UAE kagum pelaksanaan Islam Hadhari

PENASIHAT Raja Emiriah Arab Bersatu (UAE), Prof Dr Syed Ali Al-Hashimi memuji konsep Islam Hadhari diamalkan Malaysia kerana masyarakatnya dilihat mempunyai sikap toleransi yang mengagumkan.

Beliau berkata, kekagumannya itu berpunca daripada kesederhanaan diamalkan Malaysia dalam semua segi termasuk nilai agama, di samping masyarakat pelbagai bangsa dan agama dapat hidup bersama dengan aman dan harmoni.

"Apabila tiba ke negara ini saya melihat ada di kalangan wanitanya tidak bertudung tetapi apabila tiba waktu solat, mereka akan pergi menunaikan kewajipan mereka. Ini

amat mengagumkan kerana saya lihat golongan wanita ini (tidak bertudung) tidak dipulaukan dan tidak pula dipaksa mengenakannya. Ini adalah toleransi Islam sebenar.

"Di sesetengah negara Islam lain, perkara sebegini tidak berlaku, malah semua wanita dipaksa menutup aurat tanpa kerelaan dan dipulaukan masyarakat mereka. Saya bukan menggalakkan wanita tidak bertudung atau menutup aurat tetapi mahu menekankan dalam Islam tiada paksaan dan Malaysia membuktikannya dengan baik sekali," katanya pada sidang media selepas pembentangan sesi pembentangan kertas kerja sesi pertama, di sini semalam.

Dalam sesi pembentangan itu, be-

liau bertindak sebagai pengerusi forum bertajuk 'Warisan dan Pembaharuan'.

Turut hadir Pengerusi Eksekutif Multaqa merangkap Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Datuk Mohd Nakhaie Ahmad dan Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan merangkap Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Prof Datuk Dr Abd Shukor Husin.

Dr Syed Ali berkata, walaupun ada wanita yang tidak bertudung, masyarakat tidak boleh mengasingkan atau memulaukan mereka dan mengatakan mereka kufur atau kafir.

"Masyarakat tidak boleh menghina mereka dengan pelbagai kejian atau

memaksa mereka bertudung. Apa yang boleh dilakukan adalah menasihatkan mereka menutup aurat dan terserah kepada mereka untuk melakukannya atau tidak," katanya.

Ketika ditanya mengenai kewujudan sesetengah golongan di Malaysia sendiri yang menolak Islam Hadhari, beliau berkata, ia satu kerugian jika mereka berfikiran sebegini mengenai konsep itu kini diterima di peringkat antarabangsa.

"Mengapa konsep seperti Islam Hadhari ini mahu ditentang? Ia adalah konsep yang berada di landasan betul. Islam adalah agama yang menekankan kepada kemajuan dan mahu melihatnya umatnya membangun," katanya.